

Dr M dijangka umum pelantikan 10 ahli MT Isnin

BH - 3 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan senarai 10 ahli Majlis Tertinggi (MT) yang dilantik pada mesyuarat pertamanya selepas perhimpunan agung lalu, Isnin ini.

Selain tiga kekosongan yang dikatakan bakal diisi oleh tokoh dari Pergerakan Wanita Umno, tujuh kekosongan lagi menjadi perhatian.

Sumber-sumber Umno berkata, pelantikan kali ini perlu dibuat dengan teliti kerana selain daripada enam calon Naib Presiden yang tewas, Dr Mahathir perlu mengambil kira kedudukan beberapa pemimpin lain termasuk Pengerusi Badan Perhubungan Negeri Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

"Perdana Menteri juga mungkin tidak mampu melantik semua Menteri Besar dan Ketua Menteti, sama ada yang tewas pada pemilihan lalu atau tidak bertanding menjadi anggota MT," katanya.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisi

melalui pemilihan Perhimpunan Agung, manakala 10 lagi dilantik oleh Presiden.

Yang agak pasti sekarang ialah tiga tokoh daripada Pergerakan Wanita Umno akan dilantik kerana mereka kini langsung tidak mempunyai wakil (kecuali Ketuaanya) dalam badan tertinggi Umno itu.

Dua nama yang dikemukakan oleh Datuk Seri Rafidah Aziz ialah Naib Ketuaanya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan seorang anggota Exconya, Dr Norraesah Mohamad, yang mendapat undi kedua tertinggi di kalangan calon Wanita.

Bagaimanapun satu sumber lain berkata, Dr Mahathir akan mengekalkan bekas ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berikutan pengaruhnya masih kuat terutama apabila beliau hanya tewas 12 undi.

Beberapa bekas calon Naib Presiden terutama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Johor, Datuk Ghani Othman, juga dikatakan mempunyai peluang ce-

rah untuk dilantik.

Begitu juga peluang dua lagi bekas calon Naib Presiden, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad dan Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, kerana mereka adalah wakil Umno negeri masing-masing.

Namun ramai yang menyatakan peluang Ketua Menteri Sabah, Datuk Osi Sukam, agak tipis berikutan negeri itu sudah mempunyai tiga anggota MT iaitu Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Tun Said Keruak dan Datuk Lajim Okim.

Sumber-sumber berkata, Dr Mahathir mungkin menyuntik lebih ramai muka baru ke dalam MT dan antara yang disebut-sebut ialah Datuk Idris Jusoh, yang diharapkan dapat memulihkan kembali semangat Umno di Terengganu.

Mesyuarat MT pertama selepas pemilihan barisan kepemimpinan baru bagi tempoh 2000-2003 ini juga dijangka menyaksikan perubahan pada pucuk pimpinan peringkat negeri.

Antara negeri yang bakal menjadi perhatian ialah Kelantan, Johor dan Selangor.